

DANA RM200J PERKASA SEKTOR PELANCONGAN

Peluang pemain industri kukuh ekonomi

Kuala Lumpur: Peruntukan RM200 juta menerusi Bajet 2023 bagi tujuan galakan, promosi dan pemasaran, serta memperkukuh pemulihan sektor pelancongan perlu dimanfaatkan pemain industri secara kreatif untuk menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia, seterusnya melakukan kunjungan ulangan.

Bagi tujuan itu, Pensyarah Kanan Jabatan Rekreasi dan Ekopelancongan, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia Prof Madya Dr Siti Suriawati Isa berkata, agensi bertanggungjawab mestilah membabitkan pelbagai pihak untuk merangka aktiviti promosi dan pemasaran yang mantap.

“Libat urus ini bukan sahaja hanya membabitkan satu atau dua agensi semata-mata, tetapi perlu lebih menyeluruh memba-



Libat urus ini bukan sahaja hanya membabitkan satu atau dua agensi semata-mata, tetapi perlu lebih menyeluruh”

Dr Siti Suriawati

bitkan ramai pihak pelbagai latar belakang, khususnya ahli akademik serta pertubuhan bukan kerajaan.

“Selain itu, promosi dan pemasaran pelancongan bagi Malaysia juga perlu lebih ditumpukan kepada negara-negara yang bukan penyumbang utama kepada pasaran pelancong utama ke negara ini seperti Amerika Syarikat dan Kanada, dengan cara ini kita turut dapat menambah jumlah



pelancong luar negara selain dari negara yang biasa mengunjungi negara kita seperti Indonesia dan Jepun,” katanya.

Beliau berkata, sasaran ketibaan pelancong asing melebihi 15 juta dengan nilai pendapatan RM47.6 bilion yang ditetapkan kerajaan bagi 2023, difahamkan membabitkan sebahagian besar pelancong dari negara yang biasa mengunjungi Malaysia, seperti Indonesia.

Dalam pada itu, Siti Su-

riawati memuji insentif yang disediakan kerajaan dalam bentuk diskaun, bawcar dan rebat bagi penginapan, pakej pelancongan, kraf tangan dan karya seni sehingga RM100, yang dilihat dapat menggalakkan rakyat Malaysia melancong di dalam negara.

Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz ketika membentangkan Bajet 2023 di Dewan Rakyat pada Jumaat, mengumumkan peruntukan RM1.16 bilion bagi mengurus dan pembangunan sektor pelancongan, seni dan budaya merangkumi RM200 juta untuk pemulihan sektor pelancongan bagi galakan, promosi dan pemasaran serta RM90 juta untuk Geran Padanan Galakan Melancong (Game-lan), yang membabitkan kempen promosi dan pemasaran bersama industri.